



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES MALAYSIA)
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373/1378

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : pro@mafi.gov.my Homepage : <http://www.mafi.gov.my>

SIARAN MEDIA

MAJLIS PRA-PELANCARAN MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM (MAHA) 2020

SERDANG – Bertemakan “**Pertanian Penjana Ekonomi Negara**” atau “***Agriculture The Driver of Malaysian Economy***” MAHA 2020 buat julung kalinya akan dilaksanakan secara hibrid.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hari ini melancarkan MAHA 2020 edisi hibrid yang menampilkan pelbagai produk baharu pertanian bersandarkan kepada teknologi terkini, inovasi, dan strategi pemasaran serta pengeluaran yang akan berlangsung pada 26 sehingga 29 November 2020 melalui kombinasi fizikal dan maya.

Pameran maya (*virtual*) MAHA 2020 adalah sebuah platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam industri pertanian dan makanan secara atas talian seperti mengunjungi pameran fizikal sekaligus mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan bagi pasaran domestik mahupun luar negara.

Penganjuran kali ini mensasarkan penyertaan kumpulan peserta seperti syarikat swasta dan badan korporat tempatan, kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), institusi penyelidikan dan pembangunan (R&D)

antarabangsa dan tempatan, institusi kewangan dan golongan belia dengan capaian sebanyak 40,000 pengunjung secara fizikal dan 100,000 penyertaan secara maya selama empat (4) hari.

MAHA 2020 mengutamakan kepentingan perkembangan teknologi dalam bidang pertanian negara dengan memberi perhatian dan sokongan kepada para peladang, penternak, nelayan serta pemain industri dalam usaha untuk meningkatkan hasil makanan negara.

Kelainan konsep MAHA pada tahun ini selaras dengan pembudayaan norma baharu bagi memberi peluang kepada perkembangan teknologi dalam bidang pertanian dan makanan termasuklah mekanisme aktiviti pepadanan perniagaan, penganjuran konvensyen dan webinar serta akses kepada pameran secara maya.

**Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**